



MUHAMAD Muda (dua dari kiri) bersama Jalaludin Alias (kiri) pada Pertandingan Memancing sempena Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia Ke-10 sambil diperhatikan Hassan Mohd. Noor (tengah) di Nilai, semalam. Turut sama ialah Mohd. Yusof Abd. Bar (dua dari kanan) dan Mohamed Asri Mohamed Yunus (kanan). - UTUSAN/AZLIZA HAILANI

Pelajar USIM juara memancing

SEREMBAN 25 Nov. - Berumpukan roti dan cacing, seorang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi juara Pertandingan Memancing sempena Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 di tasik universiti berkenaan di sini hari ini.

Kejayaan Jalaludin Alias, 21, membolehkan dia merangkul hadiah utama RM2,500 selepas dia berjaya menaikkan ikan keli seberat 3.2 kilogram.

Jalaludin ketika ditemui *Utusan Malaysia* berkata, penyertaanya dalam pertandingan ini hanyalah untuk berseronok, namun dia tidak menyangka umpannya itu membolehkannya menggondol kejuaraan pada kali ini.

"Alhamdulillah, percubaan dalam pertandingan memancing ini membuahkan hasil walhal saya hanya datang untuk berseronok dan mengisi masa lapang sahaja.



"Wang ini akan saya gunakan sebaiknya untuk tujuan pembelajaran di sini," kata pelajar tahun dua Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Hadiah disampaikan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda sambil disaksikan

Pengarang *Utusan Malaysia*, Hassan Mohd. Noor; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah dan Pengurus Kanan Pengedaran Utusan Melayu (M) Bhd., Hasmadi Hassan.

Sementara itu, naib juara disandang Mohd. Yusof Abd. Bar yang berjaya menaikkan ikan jenis toman seberat 160 gram, membolehkannya meraih hadiah RM2,000.

Mohamed Asri Mohamed Yunus, 44, pula sekadar berpuas hati di tempat ketiga dengan menaikkan ikan jenis ketutu dan meraih hadiah RM1,500.

Pertandingan yang bermula pukul 7.30 pagi di tasik universiti itu menyaksikan sebanyak 400 peserta mencuba nasib untuk merangkul hadiah yang disumbangkan 100 Plus, Utusan Melayu (M) Berhad dan USIM.